

**MCA Pulau Pinang Siap Sedia Hadapi PRU-13 - Ng Yen Yen**  
**Bernama**  
**19 Mac, 2012**

GEORGE TOWN, 19 Mac (Bernama) -- MCA Pulau Pinang MCA sedia berkoordinasi dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain untuk menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13, kata Pengerusi Perhubungan MCA Negeri Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Beliau berkata MCA kini bersemangat tinggi dan keghairahan luar biasa itu membuktikan mereka benar-benar bersedia meraih kembali sokongan masyarakat Cina untuk BN.

"Kami tidak akan sesekali mengambil pendirian untuk mengalah kerana yakin jika kami bekerja keras dalam membantu rakyat, kami akan memdapat sokongan mereka," katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat perhubungan MCA negeri di Bahagian Bukit Gelugor.

Ng berkata parti itu tidak meletakkan sasaran pada pilihan raya umum akan datang dan belum berbincang mengenai pertukaran kerusi di kalangan parti komponen BN, namun jentera MCA sudahpun bersiap sedia.

"Kami mendapat pengajaran selepas pilihan raya umum 2008, dan jika BN menang pada pilihan raya akan datang, kami akan memperjuangkan isu perumahan sebagai agenda utama bagi membantu penduduk Pulau Pinang memiliki rumah sendiri," katanya.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653375>